

15 MAY 2004
MAHATHIR-SC
SC BERI PENGHARGAAN KEPADA TUN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti (SC) malam ini memberi penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana kepimpinannya selama 22 tahun yang membantu menjadikan Malaysia sebuah ekonomi baru muncul yang paling terkemuka di dunia.

Dalam ucapannya pada majlis makan malam bagi meraikan pencapaian dan sumbangan beliau, pengerusi SC, Md Nor Yusof berkata, inisiatif-inisiatif berani yang diambil Dr. Mahathir dalam bidang ekonomi telah membantu Malaysia mencapai status negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia dan keempat terbesar dari segi daya saingan perdagangan yang hanya diatasi oleh Amerika Syarikat, Kanada dan Australia.

Lebih penting lagi, "kejayaan ekonomi ini tidak dicapai dengan mengorbankan pembangunan fizikal dan sosial ataupun memencilkan diri dari arena politik global," katanya.

"Dua puluh tahun lalu, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara pengeksport timah dan getah yang terletak di utara Singapura dan di selatan Thailand. Hari ini, negara ini merupakan tempat terletaknya KLIA, Putrajaya, Cyberjaya, Koridor Raya Multimedia dan Menara Berkembar," katanya.

Md Nor berkata: "Dalam buku-buku sejarah, ini biasanya merupakan pencapaian satu generasi pemimpin, bukan hanya seorang individu."

Pada majlis yang dihadiri peserta-peserta pasaran modal itu, Dr Mahathir juga merasmikan pelancaran Buku Ulangtahun Ke-10 SC mengenai sejarah dan perspektif perkembangan pasaran modal di Malaysia.

Buku itu memaparkan pengalaman lalu dan kefahaman mengenai evolusi pasaran modal dan industri yang melibatkan kita semua.

-- BERNAMA

CM MR KY AHM